

KONSORTIUM

INI ADALAH PAKEJ KERJASAMA ANTARA
AGENSI PERLANCONGAN



MOROCCO

10 HARI 7 MALAM

FULLBOARD

ITINERARY

KPK/LN:9286

Aktiviti	Jadual Makan	Pengangkutan
<p>HARI 1: KLIA-DUBAI</p> <p>Berkumpul di KLIA untuk penerbangan ke Dubai (transit)</p>	-	Penerbangan Antarabangsa
<p>Hari 2: DUBAI-CASABLANCA</p> <p>Meneruskan penerbangan ke Casablanca. Setibanya di Lapangan Terbang Casablanca, kita akan menuju ke hotel untuk daftar masuk dan aturcara dihari kedua adalah aktiviti bebas.</p>	MM	Bas
<p>Hari 3: CASABLANCA - FES</p> <p>Aturcara Casablanca dimulakan dengan menziarahi Masjid Hassan II. Masjid yang mengangumkan ini, dibina di atas lautan dengan menara setinggi 210m yang merupakan mercu tanda. Ia mempamerkan seni pertukangan terbaik Maghribi; batu dan kayu ukiran tangan, lantai dan tampalan marmar yang kompleks, siling cedar bersalut emas dan zellige (kerja jubin mozek geometri) yang indah. Kemudian kita akan berjalan-jalan dan menikmati keindahan di sepanjang persisiran pantai Ain Diab. Lawatan seterusnya adalah ke Mohamed V Square dan menerokai kota lama Casablanca untuk mengenali gaya hidup seharian mereka.</p>	SP/MM	Bas (294KM)
<p>Hari 4: FES</p> <p>Menerokai bandar Fes, sebuah bandar yang tertua dan sebuah empayar yang digeruni. Fes adalah sebuah bandar yang memelihara dan mewarisi tradisi budaya dan pengetahuan seni Arab-Andalusia. Sebagai bandar tertua pada zaman pertengahan, Fes memiliki pelbagai khazanah yang berharga. Disini kita akan melawat Medersa Bou Inania yang merupakan sebuah madrasah (Islamic Learning Centre). Kita akan melawat sekitar kawasan luar istana Diraja, Masjid El Karouyyin, Bab Boujelload (Pintu Gerbang Kota Fes) yang indah dan makam Moalay Idriss, seorang pengasas bagi kota Fes. Kita juga akan melawat kota lama, dimana anda dapat melihat kerja-kerja pertukangan dalam tradisi timur purba masih dijalankan.</p>	SP/MM	Bas
<p>Hari 5: FES-BENI-MELLAL-MARRAKESH</p> <p>Kita akan memulakan perjalanan ke Marrakesh melalui banjaran pergunungan Atlas dan berhenti di Imouzer de Canter dan Ifrane untuk merasai pengalaman seperti di Switzerland dimana terletaknya resort ski yang pertama di Morocco. Disini kita dapat merasai suasana yang dikelilingi oleh pemandangan yang menakjubkan dan landskap dataran-dataran dan gunung-gunung yang memukau. Kemudian kita akan singgah di Beni-Mellal. Bagi penggemar-penggemar pengembaraan gunung, anda dapat menikmati pemandangan dari atas dan tengah Atlas. Bagi pencinta alam, sudah pasti anda akan terpujau dengan keindahan pemandangan gunung-gunung dan hutan cedar dan oak disini. Setibanye di Marrakesh, daftar masuk hotel dan rehat.</p>	SP/MM	Bas FES - BENI (300KM) MELLAL - MARRAKESH (190KM)

Aktiviti	Jadual Makan	Pengangkutan
<p style="text-align: center;">HARI 6: MARRAKESH</p> <p>Digelar kota merah kerana binaan tembok mengelilingi kota itu berwarna merah, kota yang terletak di kaki Pergunungan Atlas, juga merupakan pusat ekonomi utama Morocco. Hari ini kita akan melawat Istana Bahia yang terkenal dengan hiasannya. Dindingnya mempunyai stuko yang diukir dengan inskripsi Arab, corak geometri, arabesque, dan muqarnas. Lantainya diturap dengan jubin marmar dan zellij. Selain itu, Marrakesh juga mempunyai banyak tarikan kesenian dan kebudayaan seperti Menara Masjid Koutubia yang dibina pada kurun ke-12 dan Jardin Majorelle, taman indah yang dimiliki pereka fesyen terkemuka dunia, YSL dan Jemaa El-Fna. Masa lapang untuk membeli-belah di souk.</p>	SP/MM	Bas
<p style="text-align: center;">Hari 7: MARRAKESH-ESSAOIRA</p> <p>Hari ini kita bergerak menuju ke Essaouira. Essaouira ialah bandar berkubu abad ke-18, dibina mengikut prinsip seni bina moden Eropah. Sejak penubuhannya, ia telah menjadi pelabuhan perdagangan antarabangsa yang utama, menghubungkan Maghribi dan kawasan pedalaman Sahara dengan Eropah dan seluruh dunia. Anda dapat menikmati pemandangan lautan Atlantik yang terbentang luas.</p>	SP/MM	Bas (190KM)
<p style="text-align: center;">Hari 8: ESSAOUIRA-CASABLANCA</p> <p>Berangkat ke Casablanca melalui El Jadida - sebuah perkampungan lama Portugis. Dalam perjalanan kita akan singgah di bandar pusat bersejarah dimana terdapat Kubu Mazagan dan tangki Portugis, gereja, masjid besar dan rumah pedagang-pedagang Yahudi dan Portuguese dan Pasar Arab. Kemudian meneruskan perjalanan ke Casablanca.</p>	SP/MM	Bas (370KM)
<p style="text-align: center;">Hari 9: CASABLANCA-DUBAI</p> <p>Masa lapang sehingga berangkat ke lapangan terbang untuk penerbangan balik ke tanahair</p>	SP	Bas
<p style="text-align: center;">Hari 10: DUBAI-KLIA</p> <p>Ketibaan di Lapangan Terbang KLIA dan membawa pulang kenangan terindah.</p>	-	Penerbangan Antarabangsa

***SP :Sarapan Pagi**

***MM: Makan Malam**

***Sebarang pertukaran program adalah tertakluk kepada keadaan semasa dan cuaca. Pihak syarikat berhak untuk menukar program mengikut kesesuaian keadaan semasa.**



MAKLUMAT PAKEJ

DEWASA	KANAK-KANAK	KANAK-KANAK (TANPA KATIL)	BAYI (BAWAH 2 TAHUN)
RM 6,999	RM 6,199	RM 5,799	RM 688
RM 7,299	RM 6,499	RM 6,099	RM 688
RM 7,999	RM 7,199	RM 6,799	RM 688

***Harga untuk single supplement ialah tambahan RM 1000**


***Jika terdapat peserta solo, peserta akan berkongsi bilik double/triple.**

PAKEJ TERMASUK


- Tiket Penerbangan Antarabangsa **pergi- balik*
- Hotel 3-4 star
- Sarapan & makan malam **mengikut jadual yang ditetapkan*
- Bayaran masuk tempat lawatan (yang dinyatakan dalam itinerari)
- Ketua kembara
- Bas



Sarapan & Makan Malam



Hotel 4 bintang



Bas Pengangkutan



Tiket Kul – Dubai **pergi- balik*



Ketua Kembara

PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Insuran pelancongan
- Makan Tengah Hari
- Aktiviti pilihan
- Tipping (Seikhlas hati)



MAKLUMAT PENERBANGAN

HARI	PENERBANGAN	FLIGHT NO.	DESTINASI	MASA PENERBANGAN
H1		EK347	KUL-DXB	1910-2230
H2		EK751	DXB-CAS	0725-1310
H9		EK752	CAS-DXB	1505-0130
H10		EK346	DXB-KUL	0330-1435

PETA



9 Tahun Berpengalaman

Syarikat Berdaftar

Telah menguruskan lebih 2000 peserta dan 300 kumpulan

Rating 4.9/5

Review Peserta

Asob Ahmad recommends **Aku Dan Istanbul.**

What a great Team of experts guiding through the best of experiences. Hats off to the wonderful Job. Keep up the good work 🍷

Nurzaty Hamid recommends **Aku Dan Istanbul.**

Affordable and reasonable price even for private tour. with excellent service. very recommend to those yg bawa family, babies, old people bcoz they do help a lot during the tour. kudos aku dan istanbul team!! may we see again in future~

Haris Nafi' recommends **Aku Dan Istanbul.**

Journey with ADI:-
So it begins as we had our conversations through whatsapp. Their crew was so friendly and very informative. Throughout the trip of two countries with them, We feel relief because ALLAH have introduced me and my wife with ADI.

- Likes:-
- 1) Friendly
 - 2) Sporting
 - 3) Tour package price is reasonable
 - 4) Trusted company
 - 5) Knowledgeable



TERMA DAN SYARAT

Polisi Pembayaran:

- Deposit RM1000/pax
- Bayaran ansuran diterima
- 90 hari : (50% daripada bayaran perlu dijelaskan– jika melibatkan tiket penerbangan antarabangsa)
- 60 hari : (50% daripada bayaran perlu dijelaskan– jika melibatkan tiket penerbangan domestik)
- 45 hari : (bayaran penuh perlu dijelaskan)
- **PERHATIAN:** Jika peserta gagal untuk membuat bayaran pakej sebanyak 50% minima 45 hari sebelum
- tarikh pelepasan, pihak syarikat berhak untuk gugurkan nama peserta.

Polisi Pembatalan:

- Tiada Pemulangan Deposit akan dibuat jika peserta mahu membatalkan pakej yang telah diambil. TETAPI peserta boleh memilih salah satu dari pilihan berikut:

1) Menukar tarikh pakej (1 kali sahaja)

- tarikh penukaran mestilah dibuat SEBELUM 90 HARI dari tarikh trip asal ATAU

2) Tukar dengan peserta lain (hanya jika tiket penerbangan antarabangsa atau domestik belum lagi dikeluarkan)

Jika Pembatalan Dibuat Dalam Tempoh:

- 90 hari sebelum trip bermula : hanya 50% daripada bayaran, akan dipulangkan dan (Jika tiket penerbangan telah dikeluarkan, keseluruhan kos penerbangan ditanggung sepenuhnya oleh peserta)
- 60 hari sebelum trip bermula: hanya 50% daripada bayaran akan dipulangkan dan (Jika tiket penerbangan telah dikeluarkan, keseluruhan kos penerbangan ditanggung sepenuhnya oleh peserta)
- 45 hari sebelum trip bermula : Bayaran penuh yang telah dibuat, tidak akan dipulangkan

Terma dan Syarat:

- Pihak Aku dan Istanbul **BERHAK** untuk membuat penukaran pada jadual program yang dicadangkan mengikut kesesuaian dan kelancaran pakej. Sebarang perubahan jadual mungkin berlaku contohnya seperti perubahan pada waktu penerbangan disebabkan oleh faktor cuaca dan sebagainya.
- Harga pakej adalah untuk susunan bilik “Double/Triple room”. Terdapat penambahan kos untuk harga “Single Room”. Jika didapati peserta tidak mempunyai rakan semasa trip, peserta dikehendaki untuk membuat penambahan harga bagi kos penginapan hotel “Single Supplement”
- Peserta **TIDAK DIBENARKAN** untuk menukar/mengubah waktu penerbangan, hotel dan juga susunan bilik yang telah ditetapkan oleh pihak kami
- Sebarang perubahan yang diminta oleh peserta melibatkan penambahan kos, kos tersebut akan ditanggung oleh peserta.
- Sebarang perubahan waktu penerbangan adalah diluar bidang kuasa kami. Pihak kami **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** jika berlaku perubahan waktu / penangguhan jadual penerbangan
- Sebarang penukaran tarikh trip, pihak syarikat tidak akan menanggung perbelanjaan peribadi, hotel dan penerbangan domestik pelanggan di Malaysia.
- * Sekiranya peserta didapati positif covid sebelum pelepasan, kos keseluruhan pakej tidak akan dipulangkan. (keseluruhan kos pakej ditanggung sepenuhnya oleh peserta)
- * Sekiranya peserta didapati positif covid sebelum pulang ke negara asal / destinasi seterusnya, kos penginapan kuarantin ditanggung penuh oleh peserta
- * Apabila deposit telah dibuat dengan ini peserta bersetuju dengan syarat yang telah ditetapkan oleh Aku dan Istanbul Travel and Tours.



AKU DAN ISTANBUL TRAVEL & TOURS SDN. BHD.

No. Akaun: 8603312377

Sila sertakan bukti / slip bayaran yang telah dibuat kepada konsultan atau boleh emelkan kepada info@akudanistanbul.com